

06/08/1998

Pindaan selepas tamat kontrak air

KUALA LUMPUR, Rabu - Sebarang perubahan terhadap perjanjian membekal air ke Singapura dari Johor hanya boleh dibuat apabila kontrak yang sedia ada tamat, kata Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu.

"Perkara ini sudah beberapa kali dibincangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam Kabinet selain dengan Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong, ketika beliau melawat Malaysia.

"Kerajaan Singapura bebas mengambil sebarang langkah bagi mendapatkan bekalan air baru tetapi perjanjian dengan Johor harus dituruti sehingga tamat tempohnya.

"Memandangkan hal ini membabitkan hubungan dua hala antara negara, ia lebih sesuai dikendalikan menerusi Kementerian Luar masing-masing," katanya di sini, hari ini.

Dua perjanjian membekal air ditandatangani antara kerajaan Johor dan Singapura, satu pada 1961 yang akan berakhir pada 2011 dan perjanjian kedua pada 1962 dan berakhir pada 2061.

Semalam, Pengerusi Jawatankuasa Kerjaraya dan Kemudahan Awam negeri Johor, Zainalabidin Mohamed Zin, berkata Johor mampu membekal air bersih kepada Singapura sebelum perjanjian itu tamat.

Buat masa sekarang, Johor membekalkan 214 juta liter air mentah sehari kepada Singapura dengan harga tiga sen setiap 4,540 liter dan membeli balik 35 juta liter air bersih dengan harga 50 sen setiap 4,540 liter.

Julai lalu, Menteri Luar Singapura, Prof S Jayakumar mencadangkan perjanjian membekal air yang baru perlu dirangka supaya boleh dikuatkuasa berdasarkan undang-undang jika perjanjian gagal dipatuhi.

(END)